

**HONG LEONG BANK BERHAD**  
**PROMOSI KAD DEBIT HONG LEONG BERSAMA “LA JUICERIA”**

*Last updated on 31 Oktober 2017*

**TEMPOH PROMOSI**

“Promosi Kad Debit Hong Leong bersama “*La Juiceria*”” (“Promosi”) Hong Leong Bank Berhad (97141-X) (“Bank”) bermula pada **3 November 2017** dan berakhir pada **31 Disember 2017**, termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Promosi”), melainkan diberitahu sebaliknya.

**Terma & Syarat**

Terma dan syarat Promosi adalah seperti berikut (“T&S”):-

**KELAYAKAN**

1. Promosi ini terbuka kepada semua Pemegang Kad Debit Hong Leong individu warga Malaysia dan bukan warga Malaysia termasuk Pemegang Kad Debit Mach (“Pemegang Kad”)
2. Promosi ini **TIDAK** terbuka kepada pelanggan Kad Debit Hong Leong Islamic-i.

**MEKANISMA PROMOSI**

3. Pemegang Kad yang memenuhi kriteria berikut dengan menggunakan Kad Debit Hong Leong atau Kad Debit Mach mereka pada setiap Jumaat, Sabtu & Ahad (termasuk Hari Kelepasan Am) sepanjang Tempoh Promosi di syarikat/peniaga terpilih seperti yang dinyatakan dalam jadual di bawah (“Peniaga Turut Serta”) akan layak menikmati tawaran Promosi (“Pemegang Kad Layak”). seperti berikut semasa Tempoh Promosi, tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh Syarikat/Perniaga Turut Serta. Hari Kelepasan Am bermaksud hari-hari yang diisytiharkan sebagai hari kelepasan am di seluruh Malaysia.

Bil.	Peniaga Turut Serta	Promosi	Catatan
1	<b>La Juiceria Superfoods (“LJSF”)</b>	Beli satu (1) hidangan “a la carte” & dapat satu (1) jus “cold-pressed” atau “smoothies” tambahan (“Minuman Tambahan”) bermula dari RM11.99 hingga RM13.99**  Beli satu (1) & dapat satu (1) jus “cold-pressed” atau “smoothies” tambahan bermula dari RM11.99 hingga RM13.99**	Promosi di kafe LJSF sahaja.  Harga Minuman Tambahan mesti sama atau lebih rendah daripada hidangan “a la carte” atau minuman yang dibayar.
2	<b>La Juiceria Detox Bar (“LJDB”)</b>	Beli satu (1) & dapat satu (1) jus “cold-pressed” atau “smoothies tambahan (“Minuman Tambahan”) bermula dari RM11.99 hingga RM13.99**	Promosi di semua LJDB & kecuali outlet stokes.*  Harga Minuman Tambahan mesti sama atau lebih rendah daripada minuman yang dibayar.

Nota :

\* Untuk maklumat lanjut bagi outlet Peniaga Turut Serta dan outlet-stokes, sila layari <http://lajuiceria.com.my/wp/our-outlets/>.

*\*\*pilihan minuman tambahan adalah bergantung kepada ketersediaan di sesuatu outlet LJSF atau LJDB dan outlet LJSF & LJDB yang berbeza menawarkan minuman tambahan yang berlainan.*

4. Promosi ini dihadkan kepada Tiga Ribu (3,000) penebusan dan atas dasar siapa cepat dia dapat semasa Tempoh Promosi dan bergantung kepada ketersediaan stok.
5. Promosi ini dihadkan kepada **Satu (1) kali Penebusan sahaja bagi setiap Kad Debit Hong Leong atau setiap Kad Debit Mach sehari** semasa Tempoh Promosi di Peniaga Turut Serta.
6. Promosi ini tertakluk kepada cukai perkhidmatan dan/atau cukai kerajaan atau cukai atau levi lain, jika berkenaan, melainkan dinyatakan sebaliknya.
7. Promosi ini tidak boleh ditukar untuk wang tunai, begitu juga tidak boleh digunakan sempena program promosi lain, promosi, diskaun, baucar atau kad keistimewaan yang tersedia di Peniaga Turut Serta melainkan dinyatakan sebaliknya.
8. Peniaga Turut Serta mungkin mempunyai terma dan syaratnya sendiri berkenaan penawaran, penebusan, penggunaan dan/atau peruntukan Promosi atau bersabit dengan Promosi. ("Terma dan Syarat Peniaga Turut Serta")
9. Peniaga Turut Serta berhak menukar butir-butir berkenaan, Terma dan Syarat Peniaga Turut Serta berkaitan dengan Promosi pada bila-bila masa tanpa memberi notis awal. Pemegang Kad dinasihatkan supaya menyemak butir-butirnya serta terma dan syarat berkaitan dengan kakitangan Peniaga Turut Serta.

## **UMUM**

10. Dengan menyertai Promosi ini, Pemegang Kad telah dan dianggap telah:
  - (a) membaca, memahami dan bersetuju mematuhi T&S di dalam ini;
  - (b) bersetuju mengakses Laman Web Bank di [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my) ("Laman Web Bank") dari semasa ke semasa untuk menyemak T&S dan memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada T&S;
  - (c) bersetuju bahawa Promosi ini tidak boleh ditukar untuk wang tunai muka, kredit, cek atau manfaat barang; dan
  - (d) bersetuju bahawa keputusan Bank dan Peniaga Turut Serta atas semua hal berkaitan dengan Promosi ini adalah muktamad dan mengikat ke atas semua Pemegang Kad dan sebarang surat-menyurat dan/atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan Bank tidak akan dilayani.
11. Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap, begitu juga tidak akan menerima liabiliti apa jua pun dan bagaimana berbangkit sekalipun atau dialami oleh Pemegang Kad dan/atau pihak ketiga akibat secara langsung atau tidak langsung daripada penyertaan dalam Promosi ini.
12. Bank tidak bergabung dengan Peniaga Turut Serta dan tidak membuat sebarang representasi atau waranti berkenaan dengan kualiti atau kesesuaian Promosi – dan penggunaan Promosi oleh Pemegang Kad. Pemegang Kad hendaklah atas perbelanjaan dan tanggungan sendiri berurus terus dengan Peniaga Turut Serta bagi apa-apa aduan, pertikaian atau tuntutan berkaitan dengan Promosi ini tanpa bantuan Bank.

13. Pemegang Kad Layak adalah bertanggungjawab dan hendaklah menanggung sendiri segala cukai berkenaan, fi kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang berkenaan, jika ada, berkaitan dengan penyertaan dalam Promosi ini.
14. T&S di dalam ini, Terma dan Syarat Am Akaun, Terma dan Syarat Kad Debit atau apa-apa terma dan syarat berkenaan yang Bank kenakan dari semasa ke semasa hendaklah dibaca sebagai suatu perjanjian keseluruhan dan jika terdapat sebarang percanggahan antara T&Sdi dalam ini dengan Terma dan Syarat Am Akaun dan Terma dan Syarat Kad Debit, maka T&S tertentu di dalam ini akan diutamakan setakat percanggahan tersebut.
15. Bank berhak :
  - (a) menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda T&S yang terkandung di dalam ini, sama ada keseluruhan atau sebahagian, atau menggantung atau menamatkan Promosi ini menurut budi bicara mutlak Bank dengan memberi notis awal dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web Bank atau dengan apa-apa cara lain yang dianggap sesuai oleh Bank untuk memberi notis awal **dua puluh satu (21)** hari kalender kepada Pemegang Kad ; dan
  - (b) menggantikan Promosi ini dan/atau Penebusan ini dengan sesuatu yang sama nilainya, atas budi bicara mutlaknya,
16. Jika sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara T&S berbanding dengan mana-mana bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Promosi ini, maka T&S muktamad dalam Laman Web Bank akan diutamakan.
17. T&S adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pemegang Kad dengan ini bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia.